



# BINA PURI HOLDINGS BHD

---

## PRESS RELEASE

Berita Harian  
6 Jun 2008

### **Mudajaya bina lebuhraya KL-Kuala Selangor**

MUDAJAYA Group Bhd menerusi anak syarikatnya, Mudajaya Corporation Bhd memperoleh kontrak bagi membina lebuhraya, Kuala Lumpur-Kuala Selangor bernilai RM958 juta.

Syarikat pembinaan itu dalam kenyataannya kepada Bursa Malaysia semalam berkata, kontrak membabitkan kontrak reka bentuk dan pembinaan laluan ekspres Kuala Lumpur-Kuala Selangor itu diperolehnya daripada pemegang konsesi lebuhraya itu, KL-Kuala Selangor Expressway Bhd.

"Mudajaya Corporation sudah menerima Surat Hasrat bertarikh 5 Jun 2008 bagi kontrak itu. Ia membabitkan kontrak cadangan reka bentuk dan pembinaan Laluan ekspres KL-Kuala Selangor yang diswastakan yang membabitkan Pakej 1 iaitu dari Assam Jawa ke Kundang dan Pakej 2 iaitu dari Kundang ke Taman Rimba Templer," katanya.

Mengikut kenyataan itu, pembinaan lebuhraya sepanjang 30 kilometer itu bernilai RM958 juta dan akan disiapkan dalam tempoh 30 bulan.

"Kontrak itu dijangka mampu menyumbang secara positif kepada pendapatan dan aset bersih syarikat bagi tahun kewangan semasa dan masa hadapan," katanya. KL-Kuala Selangor Expressway Bhd dengan modal berbayar RM5 juta adalah syarikat sekutu Bina Puri Holdings Bhd dengan pegangan ekuiti sebanyak 50 peratus.

Pada akhir Mei lalu, Bina Puri berkata, pihaknya menjangka memulakan projek pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor menjelang suku ketiga tahun ini.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Mohamed Fiesal Ibrahim, berkata selepas lama tertangguh sejak 2005 lagi, syarikat itu dan rakan usaha samanya, Rafulin Holdings Sdn Bhd akhirnya berjaya memperoleh konsesi pengendalian tol selama 40 tahun bagi lebuhraya terbabit.

Konsesi yang diperolehi daripada kerajaan itu membabitkan kerja reka bentuk, bina, kendali, menguruskan, dan menyenggara lebuhraya itu.

For further enquiries, please contact :

Cik. Surati Sujor

Corp Communications Dept

**BINA PURI HOLDINGS BHD**

Tel : 03-6136 3333 (3005)

Fax : 03-6136 9999

E-mail : [surati@binapuri.com.my](mailto:surati@binapuri.com.my)